

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 29 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09809
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti perladangan bagi memastikan alam sekitar dapat terpelihara dari pencemaran. Apakah statistik tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat yang mencemarkan alam sekitar.

2. PR-1432-L09287
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah perniagaan yang telah menggulung perniagaan mereka di dalam bulan April, Mei, Jun dan Julai 2020, serta jumlah perniagaan baharu yang didaftarkan di dalam tempoh yang sama.

3. PR-1432-L08752
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif dan perancangan Kementerian untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan masyarakat luar bandar khususnya di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

4. PR-1432-L09990
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang sah dalam negara tetapi masih bekerja di dalam negara setelah permit mereka tamat tempoh. Bagaimanakah pemantauan dapat dilakukan terutama dari aspek keselamatan dan kesihatan.

5. PR-1432-L09680
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tarikh baharu pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) setelah ia ditangguhkan oleh Kabinet.
6. PR-1432-L08893
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji undang-undang buruh dan memperbaharui pasaran buruh, berikutan hasil kajian yang mencadangkan tenaga kerja di Malaysia tidak menerima bayaran gaji setimpal untuk kerja yang dilakukan.
7. PR-1432-L09698
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah strategik bagi mengesan lorong-lorong tikus aktiviti penyeludupan PATI ke dalam negara.
8. PR-1432-L08990
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berkenaan masalah penduduk-penduduk rumah pangsa yang menghadapi banyak masalah penyelenggaraan atas kepelbagaian faktor serta agensi manakah yang bertanggungjawab tentang masalah tersebut.
9. PR-1432-L09135
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak Kementerian bagi memperluaskan pemilikan rumah bagi rakyat miskin dan miskin tegar di luar bandar.
10. PR-1432-L10002
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian kejayaan dasar *Zero Potholes* yang diumumkan Menteri bersempena 100 hari memegang jawatan Menteri Kanan Kerja Raya.

11. PR-1432-L09074
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang isu penangguhan bayaran hutang oleh institusi bukan bank seperti Aeon Kredit dan lain lagi di mana pada dasarnya pihak Kerajaan telah menyatakan penangguhan boleh dibuat dalam tempoh 6 bulan. Walau bagaimanapun situasi semasa melihatkan pihak institusi kewangan menuntut agar hutang-hutang tersebut dibayar dan kelewatan membayar hutang tersebut akan menyebabkan kenaikan kadar faedah.
12. PR-1432-L09521
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha kerajaan Pakatan Harapan untuk menghantar balik kontena plastik haram ke negara asal. Berapakah kontena yang telah dihantar balik dari Mac hingga Jun 2020 dan nyatakan negara yang terlibat.
13. PR-1432-L09336
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah tunggakan kepada kontraktor-kontraktor Kelas F yang telah menyiapkan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Parlimen Tanjong Manis. Bilakah tunggakan-tunggakan ini akan diselesaikan memandangkan kerja mereka telah lama siap.
14. PR-1432-L09437
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang pekerja ekonomi gig:-
- (a) apakah kerangka perundangan sedia ada untuk melindungi pekerja-pekerja ini; dan
 - (b) apakah rancangan penambahbaikan perundangan sedia ada memandangkan wujud perkembangan terkini dengan adanya ekonomi gig.
15. PR-1432-L09567
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perkembangan penelitian cadangan Kementerian untuk memperkenalkan skim baucar subsidi sewa kediaman untuk orang muda bagi membantu meringankan beban kos sara hidup mereka dan bagaimanakah ianya akan dilaksanakan kelak.

16. PR-1432-L09226
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek pembinaan kuarters baru untuk anggota-anggota Balai Polis Jelutong di Jelutong, Pulau Pinang dan menaik taraf semua kuarters anggota polis di seluruh negara.
17. PR-1432-L09410
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah- langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan jumlah dividen yang boleh diberi kepada para peserta Tanam Semula Berkelompok (TSK) yang dikelolakan oleh FELCRA.
18. PR-1432-L08843
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengimport gula dan adakah Kementerian berhasrat membenarkan gula diimport secara bebas supaya harga gula di Malaysia lebih mencerminkan harga pasaran dunia.
19. PR-1432-L09442
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini :-
(a) pembinaan Balai Bomba baru bagi daerah Asajaya, Bahagian Samarahan ; dan
(b) pelaksanaan Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Sarawak khususnya di Kota Samarahan.
20. PR-1432-L08840
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan pendatang asing tanpa izin yang berjaya dikesan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan pandemik COVID-19, dari segi bilangan yang telah dan sedang di usaha untuk dihantar balik ke negara asal, bilangan yang masih berada dalam depoh tahanan imigresen atas pelbagai sebab serta bilangan yang masih bebas.
21. PR-1432-L09518
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah terkini kakitangan Kementerian yang berstatus kontrak dan sambilan dan apakah jaminan Kementerian terhadap status kakitangan ini selepas pandemik COVID-19 ini berakhir.

22. PR-1432-L09908

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperuntukkan dana kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Bintulu bagi menjalankan kerja pendalaman Sungai Kemena memandangkan sungai tersebut semakin cetek akibat mendapan yang semakin serius; dan
- (b) apakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada negeri Sarawak terutamanya Bintulu bagi pembersihan sungai-sungai dari semasa ke semasa memandangkan Sarawak mempunyai banyak sungai yang masih diguna pakai rakyat tempatan dalam kehidupan harian.

23. PR-1432-L09072

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa statistik kes sindiket penjualan kad pengenalan palsu sehingga Disember 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2010 supaya kes penjualan kad pengenalan palsu ini dapat dihapuskan.

24. PR-1432-L10057

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apa langkah-langkah yang telah di ambil oleh Kementerian untuk kawasan Kawang, Papar, Sabah yang selalu mengalami banjir kilat dan bilakah kelulusan peruntukan untuk projek parit di kampung Kawang ini dapat diluluskan; dan
- (b) bilakah Kementerian akan dapat membina penghalang sebagai langkah menghalang tebing-tebing sungai daripada runtuh.

25. PR-1432-L09131

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan semula kes kematian mendiang Teoh Beng Hock dan tindakan lanjutnya.

26. PR-1432-L09640
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*), NRW yang dialami oleh perkhidmatan air di setiap negeri di Malaysia.
27. PR-1432-L09801
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam membendung banjir pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam negara. Apakah kaedah yang akan dilaksanakan agar PATI yang telah dihantar pulang ke negara asal tidak menyeludup masuk semula.
28. PR-1432-L09985
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status masalah kerosakan struktur rumah (*defect*) yang dihadapi pemilik/penduduk PPA1M Melinjau, Presint 11, Putrajaya.
29. PR-1432-L09586
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status projek pembinaan semula Pasar Pasir Pinji dan sumber peruntukan yang terbabit.
30. PR-1432-L08922
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan holistik untuk memerangi masalah banjir pendatang asing tanpa izin di negara ini. Apakah faktor utama yang membolehkan pendatang tanpa izin boleh masuk dan bertapak di negara ini.
31. PR-1432-L08726
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina dua buah stesen minyak di Pekan Kapit dan sekiranya ada, bila pembinaan stesen-stesen minyak tersebut akan dilaksanakan. Mohon Kementerian juga sertakan senarai syarikat yang membekal barang ke luar bandar bagi kawasan Hulu Rajang.

32. PR-1432-L09000
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi untuk daerah Pakan yang telah dikenal pasti Kementerian sebagai daerah termiskin di Malaysia.
33. PR-1432-L09353
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A yang telah diluluskan sejak 2018-2020 dan berapa daripada bilangan tersebut dari Sarawak serta apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan isu taraf kewarganegaraan yang telah berlaku pada waktu PKP dan isu-isu yang lama tertunggak selama ini.
34. PR-1432-L08823
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan tindakan menurap semula Jalan Serian-Tebedu.
35. PR-1432-L08857
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah berkesan telah diambil untuk menghalang Malaysia dijadikan sebagai pusat transit pengedaran dadah antarabangsa; dan
 - (b) perincian jumlah tahanan warganegara tempatan dan asing telah dibuat dan jumlah nilai dadah yang telah dirampas setakat 31 Mei 2020.
36. PR-1432-L08835
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah asas mereka ini ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) iaitu G. Saminathan, Ahli Majlis Kerajaan Negeri Melaka, P. Gunasekaran, ADUN Kawasan Seremban Jaya, Negeri Sembilan, Suresh Kumar, Ahli Majlis Bandaraya Melaka dan lain-lain yang dikatakan ada kaitan dengan *Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE); dan
 - (b) kenapa mereka dianggap sebagai pengganas (*terrorist*).

37. PR-1432-L09746
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan komitmen dan usaha dalam Dasar Belia 30 yang dirancang Kementerian untuk memperkasakan golongan belia 18 tahun hingga 30 tahun selaras dengan usaha merendahkan had umur belia kepada 30 tahun.
38. PR-1432-L09011
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek-projek perumahan yang terbengkalai (mula terbengkalai dari tahun bila) sehingga hari ini dan apakah penyelesaian yang dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan projek-projek perumahan tersebut dapat diselesaikan.
39. PR-1432-L09831
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai satu 'database' yang lengkap untuk semua jalan luar perhubungan kampung dan jalan luar bandar yang masih dalam keadaan jalan tanah atau jalan 'gravel'. Apakah rancangan Kementerian berkenaan perkara ini.
40. PR-1432-L09891
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah disiplin yang diambil terhadap anggota dan pegawai polis selepas kematian tahanan Benedict Thanilas pada 10 Julai 2017.
41. PR-1432-L08941
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik pembeli rumah dari tahun 2018 dan 2019 dan adakah angka ini memperlihatkan bahawa harga pasaran rumah di Malaysia pada kadar harga mampu milik.
42. PR-1432-L09317
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian bagi golongan bekerja sendiri atau (*Freelancers*) yang kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan COVID-19 di mana mereka tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

43. PR-1432-L09431
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan MPKKP di Sarawak yang telah dirancang Kerajaan sebelum ini. Nyatakan jumlah MPKKP serta jumlah peruntukan yang terlibat pada tahun 2020.
44. PR-1432-L08946
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada pengeluar silinder LPG komersial dan domestik wajib untuk mempunyai SOP dan talian khusus kecemasan untuk pelanggan-pelanggan yang menghadapi masalah dengan silinder LPG serta bilangan kemalangan berpunca daripada silinder LPG mengikut pengeluar dari tahun 2010.
45. PR-1432-L09463
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan setakat mana penambahbaikan di negeri Kelantan mematuhi piawaian dan undang-undang alam sekitar.
46. PR-1432-L10025
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh siap dan kos sebenar bagi menyiapkan projek Lebuhraya Tun Razak (FT12) dari Gambang ke Segamat dan bilakah fasa II projek naik taraf Laluan FT 12 Kuantan - Segamat yang melibatkan 100 km dari Paloh Hinai ke Segamat akan dimulakan. Projek ini telah bermula pada tahun 2015 dengan kos asal sebanyak RM300 juta, kerja-kerja pembinaannya telah melampaui beberapa tahun tanpa siap sepenuhnya.
47. PR-1432-L09125
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah saman mengikut negeri-negeri yang telah dikeluarkan kepada individu yang melanggar peraturan-peraturan tentang wabak COVID-19, jumlah kutipan denda yang telah diterima dan bilangan pesalah dihukum penjara atas kesalahan ini.
48. PR-1432-L08871
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kakitangan Lebuhraya Borneo Utara akan diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya.

49. PR-1432-L10048

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pasaran utama mobiliti elektrik di rantau ini merangkumi kerangka komprehensif pembangunan kenderaan elektrik dan ekosistem sokongan. Di bawah pelan ini, Kerajaan mensasarkan pewujudan 100,000 unit kereta elektrik, 100,000 unit skuter elektrik, 2,000 unit bas elektrik dan 125,000 unit stesen pengecas menjelang tahun 2020. Sejauh manakah kemajuan sasaran tersebut sehingga tahun 2020.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

Menyambung semula perbahasan atas masalah (28 Julai ,2020)

2. (D.R. 1/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. (D.R 2/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**
Perbelanjaan) 2020

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. (DR.3/2020) Rang Undang-Undang Pengangkutan **Bacaan Kali
Jalan (Pindaan) 2020** **Yang Kedua**
[Menteri Pengangkutan]
5. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) "
2019
[Menteri Kesihatan]
6. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan "
(Pindaan) (No. 2) 2019
[Perdana Menteri]
7. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya "
Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019
[Perdana Menteri]

8. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

9. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

10. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

11. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1432-U(27)119
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1432-U(27)120
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

17. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

18. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

19. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

20. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
25. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
26. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

27. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 12	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2018	29 Julai 2020
ST. 15	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia Bagi Tahun 2018	29 Julai 2020
ST. 26	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2018	29 Julai 2020
ST. 32	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2018	29 Julai 2020
ST. 36	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2018	29 Julai 2020
ST. 45	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2019	29 Julai 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 29.07.2020 (Rabu)	1. YB Dr. Ong Kian Ming (Bangi)	1. Status Terkini Kes Persatuan Penduduk Jalan Bentara Seksyen 5, Bandar Mahkota Cheras, Cheras, Selangor (2011) (No. PPM: PPM-009-10-13092011)	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 29.07.2020 (Rabu)	2. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)	2. Garisan Pembahagi Jalan (warna Putih) Tidak Kelihatan Di Sepanjang Jalan utama (Jalan raya Di Bawah JKR) Dalam Parlimen Tebrau.	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**